

Lawatan PM ke Jepun tarik potensi pelaburan RM6.56b

Anjakan baharu hubungan KL-Tokyo babit kerjasama pelbagai bidang

Oleh Hazween Hassan
bhnews@bh.com.my

Tokyo: Lawatan kerja Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Jepun sempena sidang kemuncak peringatan ASEAN-Jepun, menarik potensi pelaburan bernilai RM6.56 bilion.

Perdana Menteri berkata, pertemuan dengan pelbagai pihak di Jepun termasuk rakan sejawatannya, Fumio Kishida menunjukkan hubungan Malaysia-Jepun kini menyaksikan anjakan baharu dari segi kerjasama pelaburan, perdagangan, pendidikan, teknologi.

"Lawatan ke Jepun berjaya dan membanggakan, berjaya menarik potensi pelaburan bernilai RM6.56 bilion," katanya pada sidang media mengakhiri lawatan lima hari ke Jepun termasuk menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun di sini, semalam.

Anwar berkata, ia adalah tambahan kepada potensi pelaburan bernilai RM23 bilion ketika lawatan delegasi Malaysia ke Je-



Anwar bersama isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ketika menghadiri majlis bersama diaspora Malaysia di Jepun, semalam. (Foto BERNAMA)

pun sebelum ini pada Jun.

Potensi pelaburan kumulatif daripada lawatan ke Jepun tahun ini berjumlah RM29.56 bilion.

Tiga syarikat korporat iaitu Jepun Rohm Wako, NEC Co Ltd dan Mitsui & Co yang mempunyai pelaburan di Malaysia juga menunjukkan kesediaan menambah pelaburan ketika pertemuan bersemuka pada Sabtu lalu.

Terdahulu, Anwar mengadakan majlis minum teh di Hotel Imperial bagi diaspora Malaysia di Jepun, yang dihadiri golongan pelajar dan ekspatriat.

Perdana Menteri turut mengadakan sesi ramah mesra bersama kira-kira 450 rakyat Malaysia.

Menyentuh Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun, Anwar menyif-

kannya pertemuan bersama pemimpin serantau dan Jepun selaku tuan rumah, mencapai kejayaan.

Liputan positif Malaysia

Beliau menyatakan media Jepun banyak membuat liputan positif berkaitan Malaysia sejak beberapa bulan lalu, sekali gus menarik perhatian pelabur negara itu untuk melabur.

"Saya bercakap dengan beberapa wakil syarikat dari Jepun dan mereka akui tidak pernah melihat liputan seperti itu sebelum ini," katanya.

Mengenai ancaman keselamatan dari China di Laut China. Selatan seperti dibangkitkan Jepun, Anwar berkata, Malaysia

kekal berkecuali dalam isu itu.

"Kita konsisten dalam aspek diplomasi dengan Jepun dan negara sekutu lain. Kita tidak campur tangan dalam hal dalam mereka," tegasnya.

Ditanya sama ada hubungan lebih rapat dengan Jepun boleh menjejaskan hubungan Malaysia dan China, Perdana Menteri menegaskan tiada apa berubah.

"Malaysia adalah sahabat baik kedua-dua negara, ini tidak mengubah hubungan dengan China," katanya.

Anwar berkata, Malaysia menghargai peranan penting Jepun dalam pembangunan rantau ASEAN yang menyaksikan kemajuan yang konsisten sepanjang beberapa dekad terakhir.